

DR MAHATHIR DAN DASARNYA

BAHAGIAN AKHIR

12-3 MAY 1988

APA yang ingin ditunjukkan di sini ialah sekiranya dianalisa secara jujur dan ikhlas, haruslah diakui bahawa Dr. Mahathir adalah seorang daripada beberapa orang tokoh dan pemimpin yang mempunyai "vision" dan "pandangan masa depan" yang "lebih berani" untuk negara dan rakyat di negara ini sebanding dengan beberapa orang tokoh dan negarawan yang disebutkan, terutamanya dengan Puan Margaret Thatcher sendiri. Sedangkan pada lahiriahnya, melalui "Buy British Last" yang digembar-gemburkan beberapa waktu dahulu seolah-olah menunjukkan tidak ada titik persamaan, malahan saling bermusuhan, di antara kedua tokoh ini.

Tanggapan demikian nampaknya agak meleset. Cuma yang mungkin berbeza ialah cara bagaimana ianya cuba dirangka dan dilaksanakan. Dr. Mahathir misalnya banyak membuat perubahan dan pembaharuan melalui beberapa dasar tertentu sejak menjadi Perdana Menteri daripada "Dasar Pandang ke Timur" sehinggalah kepada "Dasar Selatan - Selatan" atau daripada "Dasar Bersih, Cekap dan Amanah" sehinggalah kepada "Dasar Persyarikatan Malaysia" serta "Dasar 70 juta Penduduk". Margaret Thatcher tidaklah memperkenalkan "Dasar Pandang Ke Timur" dalam menghadapi desakan teknologi Jepun, tetapi bersedia memberikan peluang untuk Jepun melabur dan "memulihkan" beberapa industri kejenteraan Britain yang semakin lemah seperti dalam kejenteraan kereta yang telah disebutkan itu. Juga melalui Dasar Pengswastan misalnya.

Tentu sekali bilamana dasar-dasar ini disebutkan, ramai orang telah bosan dengan slogan dan janji-janji yang mendasari dasar-dasar yang diperkenalkan itu. Usahawan-usahawan Melayu misalnya mendendam beliau kerana dalam zaman pentadbirannya, ramai daripada mereka yang menjadi mufli. Ramai yang terpaksa "gulang tikar" dan kandas dalam urusan yang dijalankan. Pelaburan dalam saham misalnya rugi memanjang; dan semakin meningkat pula belanja hidup yang perlu dibayar, termasuklah bayaran tol dan sebagainya itu.

Oleh:
HUSSAIN MOHAMED

dengan kes-kes tipu-menipu dan pecah amanah sejak empat lima tahun kebelakangan ini adalah sebahagian daripada gambaran yang boleh dihubungkan secara langsung dan tidak langsung yang boleh menunjukkan bahawa ada di antara sentimen dan dendam yang disebutkan di atas sebahagiannya adalah bersifat kurang jujur dan tidak kena tempatnya.

Malahan adalah dibimbangkan sekali sekiranya perasaan marah itu dilahirkan semata-mata kerana mendapati gagalannya sesuatu urusan itu bilamana naungan politik sudah tidak ada atau menjadi tidak berkesan lagi. Sekiranya tanggapan awal ini benar, maka sudah tentulah kejayaan mereka selama ini tidak lain adalah semata-mata kerana mempejalatkan "kuasa politik" atau kerana bergantung pada seorang dua "tokoh-tokoh politik" tertentu sehingga mana rasa komitmen terhadap perjuangan parti tidak lebih hanyalah sekadar untuk menjamin bahawa kepentingan ekonomi individu berkenaan tidak terjejas dan dengan demikian, minat politiknya

Barangkali memang ini silap dan salah Dr. Mahathir dan para Menteri dan pegawainya. Tetapi kalau mereka yang mufis itu adalah kecil sahaja peratusannya sedangkan masih ramai lagi para usahawan Melayu dan bukan Melayu yang berjaya dan terus maju, maka apakah ada logiknya kekandasan mereka itu disebabkan semata-mata oleh pimpinan dan dasar sosio-ekonomi Dr. Mahathir?. Tentunya para usahawan atau bekas usahawan dan peniaga boleh menjelaskan jawapan-jawapan tertentu mengenai hal ini.

Tetapi sebagai ingatan seimbab lalu bagi orang-orang yang belum bergelar "bekas usahawan" dan "bekas-jutaan", di antara jawapan yang perlu diberikan perhatian ialah "penggeledahan" yang dibuat oleh Bank Negara ke atas Koperasi-koperasi Pengambil Deposit dan juga pengambil-alihan tanggungjawab ke atas perjalanan Syarikat-syarikat Insurans; saman bank atas "kredit" yang tidak dijelaskan sama ada secara sengaja atau tidak sengaja; penghukuman-penghukuman ke atas beberapa orang bekas Pengarah dan "orang besar" syarikat-syarikat perniagaan berhubung

(misalnya terhadap UMNO) adalah tidak lebih dari itu.

Soal benar atau tidaknya kewujudan "Demokrasi Terkawal" atau "Demokrasi Berpusat" itu pula memerlukan suatu penelitian istimewa kerana konsep-konsep besar ini barangkali tidak banyak disenangi oleh orang-orang yang ada kepentingan politik tertentu atau yang merasakan kepentingan mereka terjejas. Tetapi dalam apa keadaan sekalipun, sekiranya proses demokrasi yang terlalu liberal dan keterbukaan sekali sifatnya itu boleh menimbulkan kekalutan dan salah-guna tertentu oleh mereka yang berkepentingan dan mencari kesempatan, sudah sewajarnya ia dibendung atau dihadkan. Cuma oleh kerana pembendungan tersebut biasanya dibuat dengan menggunakan ukuran dan nilai "pihak yang me-

nantang", maka sudah tentulah ia menimbulkan kritikan dan tohmah-tohmah yang tertentu pula.

Maka itu, kalau Dr. Mahathir sendiri pernah dipecat daripada UMNO semata-mata kerana surat terbukanya mengkritik pucuk pimpinan parti dalam tahun 1969 lalu, maka tindakannya menentang sebilangan tokoh dan pemimpin tertentu untuk menganggotai Kabinet dan seterusnya UMNO (Baru), sekurang-kurangnya sehingga hari ini adalah dilakukan sesudah benar-benar didapati mereka ini mengkritik, memfitnah dan terang-terangan menentang pucuk pimpinan parti secara "pukulan kalah-mati". Sekiranya dibuat bandingan mengenai kedua-dua keadaan dan bentuk krisis tersebut, maka sudah tentulah rasa marah terhadap tindakannya itu perlu dibendung dan difikirkan masak-masak sebelum diluahkan dan dijaja ke sana sini dalam mempengaruhi rakyat dan mengekalkan kedudukan politik itu.

Tetapi tohmah-tohmah itu sendiri sebenarnya tidak harus diletakkan kesalahannya pada orang-orang tertentu yang sedang berkuasa. Barangkali oleh kerana kealpaan banyak pihak, apa lagi sebilangan para "Yang Berhormat" sendiri tidak peka dan tidak benar-

protokol parti atau benar-benar tidak faham mengenai implikasinya. Tindakan-tindakan seperti ini sama sahaja keadaannya bila-mana pihak pembangkang yang oleh kerana sentimen politik yang begitu besar, lantas bertindak memulaukan perbincangan mengenainya begitu sahaja. Jadi siapa yang lebih mungkin berjaya dalam hal ini?. Dan siapa yang rugi?.

Sama ada Demokrasi Terkawal atau Berpusat itu benar-benar wujud dan menjadi kenyataan atau sebaliknya barangkali tidaklah juga penting kerana ia juga adalah satu label dan jenama politik sahaja. Hal ini barangkali juga sama keadaannya di mana segala macam yang berbau Sosialis selama ini amat sensitif dalam kehidupan kita; tetapi bilamana beberapa penubuhan dan pengurusan organisasi perniagaan milik negara yang Sosialistik sifatnya diamalkan dan ternyata berkesan bagi membantu sebilangan ramai rakyat, ia tidak pula menimbulkan kegelisahan dan kebimbangan. Jadinya, apa labelpun amalan dan sistem politik yang dipakai itu, ia hanya dianggap berbahaya kalau sekiranya ia merugikan rakyat keseluruhannya.

Apa yang mungkin masih dapat diharapkan di sini ialah kebijaksanaan untuk melaksanakan segala dasar dan peraturan yang dikemukakan itu. Dasar-dasar yang "keras" yang dilakukan oleh Margaret Thatcher dalam menghadapi belenggu Greater London Council (terutama dari segi sewaan dan pembelian rumah kediaman) serta kerenah Kesatuan Sekerja yang kerap melancarkan mogok misalnya telah menunjukkan pada akhir-akhirnya bahawa banyak daripada tindakan itu ada juga faedah dan munafaat tertentu. Demikian juga usaha-usaha beliau yang mutakhir berhubung dengan peraturan tertentu dalam perkhidmatan sosial yang lebih "selective" perlaksanaannya telah dikritik hebat oleh berbagai pihak. Sedangkan pindaan itu adalah dimaksudkan, antara lain, untuk memastikan bahawa mereka yang benar-benar layak dan daif sahajalah yang berhak menerima faedah-faedah daripada perkhidmatan yang menjadi warisan dan ciri hidup masyarakat Inggeris sejak sekian lamanya itu. Dan sepanjang pemegangan kuasanya itu, Puan Margaret Thatcher bukan tidak pernah menghadapi kritikan terbuka dari kalangan para anggota Kabinetnya sendiri, malahan turut berlaku "perletakan jawatan" juga. Tetapi "Iron Lady" masih hebat dan diperlukan.

Barangkali kita juga perlu bersikap demikian dan memberikan peluang sebaik-baiknya untuk mereka yang berkuasa memikir dan membuat sesuatu bagi kebaikan bersama walaupun caranya boleh jadi di luar dugaan dan jangkauan, malahan mungkin juga agak bertentangan dengan norma-norma kehidupan kita yang biasa. Maka itu, kita barangkali perlu lebih banyak lagi mempelajari dan mengambil iktibar daripada pengalaman pada apa yang berlaku di Britain dalam zaman Thatcher ataupun beberapa buah negara lain, jauh dan dekat, walaupun kita maklum bahawa tidak semua pengalaman dan kejayaan mereka itu sesuai dan boleh dilaksanakan dengan berkesan dalam masyarakat di sini. Tetapi sekurang-kurangnya kita lebih mengetahui akan apa yang kita mahu dan ingin capai itu.

benar melakukan "homework" berhubung dengan pindaan-pindaan berbagai akta dan beberapa Fasal Perlembagaan itu, maka apa yang sudah terpinda dan diluluskan itu tidak lagi perlu dikesali. Soal sama ada kelulusan pindaan tersebut yang dibimbangi akan melahirkan suatu amalan "Demokrasi Terkawal" atau "Demokrasi Berpusat" dikatakan terjadi dalam suasana "ketakutan" (*climate of fear*) sehingga kurang sekali mendapat kritikan dan tentangan terbuka semata-mata bimbangkan tindakan penahanan ISA dan sebagainya itu tidak lebih hanyalah sebagai sebahagian daripada ulasan dan rumusan pada apa yang sudah terjadi itu sendiri. Apa yang lebih malang daripada itu ialah sekiranya terdapat seseorang Yang Berhormat kita yang tidak bersedia melibatkan diri dengannya kerana